Pendakwa Raya lwn Nor Jumalis bin Abdullah

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–21 TAHUN 1999
AUGUSTINE PAUL H
12 SEPTEMBER 2000

Acara Jenayah *— Hukuman — Hukuman mandatori — Maksud 'shall be punished' — Faktor-faktor peringanan — Sama ada mahkamah mempunyai pilihan untuk menjatuhkan hukuman yang lebih ringan daripada yang diperuntukkan dalam Akta — Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 — Kanun Prosedur Jenayah s 183*

Tertuduh telah membuat pengakuan bersalah kepada tuduhan pilihan untuk kesalahan di bawah s 4 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta tersebut'). Di dalam rayuannya untuk meringankan hukuman, tertuduh memaklumkan bahawa beliau berumur 21 tahun semasa kejadian. Beliau mempunyai seorang anak berumur dua setengah tahun dan isterinya adalah seorang suri rumah. Tertuduh juga memberitahu mahkamah yang beliau kini telah insaf dan ini adalah kesalahan beliau yang pertama di mana beliau telah dipengaruhi oleh rakannya.

Diputuskan:

Adalah jelas daripada peruntukan s 4 Akta tersebut bahawa hanya terdapat satu hukuman sahaja bagi kesalahan yang dilakukan di bawah s 4 Akta tersebut iaitu hukuman penjara seumur hidup dan sebatan rotan tidak kurang daripada enam sebatan. Berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan sebelum ini, frasa 'shall be punished' seperti mana di dalam peruntukan undang-undang di mana tertuduh telah dituduh membawa maksud suatu hukuman yang mandatori. Hukuman penjara seumur hidup ini adalah satu hukuman yang dikhususkan di bawah s 4 Akta tersebut dan bukannya hukuman maksimum yang boleh diberikan. Memberikan maksud yang lain kepada peruntukan seksyen ini adalah jelas bercanggah dengan kehendak undang-undang yang diniatkan oleh badan perundangan. Peruntukan undang-undang mengenai sesuatu hukuman yang perlu dijatuhkan di Mahkamah Tinggi adalah terikat dengan peruntukan s 183 Kanun Prosedur Jenayah. Memandangkan kepada peruntukan undang-undang yang jelas ini, mahkamah tidak mempunyai pilihan lain selain daripada menjatuhkan hukuman seperti yang telah diperuntukkan (lihat ms 147F–G, 148B–D).

[**English summary**

The accused had pleaded guilty to an alternative charge for an offence under s 4 of the Firearms (Increased Penalties) Act 1971 ('the Act'). In his appeal for mitigation, the accused admitted that he was 21 years

of age at the time he committed the offence. He had a child aged two and a half and his wife was a homemaker. The accused also admitted to the court that he had repented and this was his first offence whereby his friend had exercised some influence over him.

Held:

It was clear from the provision of s 4 of the Act that there was only one form of punishment for offences committed under s 4 of the Act, ie imprisonment for life and whipping of not less than six strokes. Based on earlier decided cases, the phrase 'shall be punished' as provided for in the law under which the accused was charged carried the meaning of mandatory punishment. Imprisonment for life was a sentence that was reserved under s 4 of the Act and was not the maximum sentence that could be imposed. Assigning a meaning that is different to the provisions of this section would clearly be contrary to the wishes of the law as intended by the legislature. The legal provision on a certain form of punishment that must necessarily be imposed by the High Court relates to the provision of s 183 of the Criminal Procedure Code. In view of these clear provisions of law, the court had no choice other than to impose a sentence as provided for in the section (see pp 147F–G, 148B–D).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman mandatori, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan 2828–2829.

Kes-kes yang dirujuk

Philip Lau Chee Heng v PP [1988] 3 MLJ 107 (dirujuk)
PP v Gabriel [1992] 1 MLJ 593 (dirujuk)
PP v Leonard Glen Francis [1989] 2 MLJ 158 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 s 4

Rayuan daripada: Kes Tangkap No D81–11 tahun 1999, (Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur)

Azhar bin Abdul Hamid (*Lukman bin Zainuddin* bersama beliau) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwa.
Harjeet Singh Sidhu (*PS Sohanpal & Sidhu*) bagi pihak tertuduh.

Augustine Paul H. : Tertuduh, Nor Jumalis bin Abdullah, pada mulanya telah dituduh melakukan satu kesalahan di bawah s 3A Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta tersebut') seperti berikut:

> Bahawa kamu, pada 8 Januari 1999 jam lebih kurang 11.05 pagi, di Jalan Burung Jentayu, Taman Bukit Maluri, Kepong, di dalam daerah Sentul, di

> dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, didapati bersubahat dengan SHAHRAN bin SHAFIE, No K/P 581227–07–5567, Yakop bin Ahmad, No K/P 701013–02–6173, Shiharuddin bin Salehuddin, No K/P 660415–08–6277 yang telah melepaskan tembakan dari tiga pucuk senjata api jenis Government Model Colt AUTO Caliber 45, Norinco No Siri 105984, Carl Walther Model PPK .9mm, dengan niat hendak menyebabkan kecederaan kepada anggota pasukan polis, selepas kamu melakukan satu kesalahan berjadual iaitu merompak di Bank Simpanan Nasional No 19, Jalan Burung Jentayu, Taman Bukit Maluri Kepong. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 3A Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 (Akta 37).

Pada tarikh yang telah ditetapkan untuk perbicaraan kes ini pihak pendakwaan telah mengemukakan tuduhan pilihan terhadap tertuduh untuk kesalahan di bawah s 4 Akta tersebut seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 8 Januari 1999, jam lebih kurang 10.55 pagi, di Bank Simpanan Nasional, Jalan Burung Jentayu, Taman Bukit Maluri, Kepong, dalam Daerah Sentul, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bersama-sama tiga yang lain telah melakukan rompakan dan semasa melakukan rompakan tersebut, kamu telah mempamerkan senjatapi dengan cara yang boleh menyebabkan kematian atau kecederaan terhadap Sither Joseph Yesudian, oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 4 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 (Akta 37).

Tertuduh telah membuat pengakuan bersalah kepada pertuduhan pilihan ini. Beliau juga mengakui faham akan sifat dan akibat pengakuan beliau setelah diterangkan dan dijelaskan mengenai pertuduhan pilihan ini dan hukuman yang telah ditetapkan.

Fakta ringkas kes adalah seperti yang dikemukakan oleh pihak pendakwa di dalam eksh P2. Pada 8 Januari 1999, jam lebih kurang 9.15 pagi, tertuduh telah pergi membuat pemerhatian terhadap Bank Simpanan Nasional, di Jalan Burung Jentayu, Taman Bukit Maluri, Kepong, Kuala Lumpur. Tidak lama selepas itu, dua rakan tertuduh iaitu Shiharuddin bin Salehuddin dan Shahran bin Shafie sampai di situ. Tertuduh bersama Shahran Shafie kemudiannya telah menaiki kereta yang dipandu oleh Shiharuddin. Semasa menghampiri bank tersebut, seorang lagi rakan tertuduh, Yakob bin Ahmad yang telah sedia menunggu turut menaiki kereta bersama mereka. Mereka telah membuat pusingan sebanyak dua kali di kawasan bank tersebut dengan kereta yang mereka naiki. Pada pusingan yang ketiga, kereta tersebut telah berhenti di hadapan bank tersebut. Tertuduh dan dua rakannya telah masuk ke dalam bank manakala seorang lagi menunggu di dalam kereta. Sebaik sahaja masuk, dua rakan tertuduh telah mengacukan pistol kepada pekerja yang berada di belakang kaunter dan mengarahkan mereka menyerahkan wang. Pada masa yang sama, tertuduh yang berada di bahagian pintu bank telah mengacukan pistolnya kepada pengawal keselamatan iaitu Sither Joseph Yesudian dan memberi amaran supaya diam sambil menjaga pelanggan dan membuat pemerhatian ke luar bank. Ketika itu, pistol yang dipegang oleh tertuduh telah jatuh dan salah satu penutup pemegang (butt cover) pistol tersebut

telah terjatuh tetapi diambil semula oleh tertuduh dan disimpan di dalam poket seluarnya. Setelah wang diserahkan, tertuduh dan rakan-rakannya telah keluar dan menaiki kereta yang sedia menunggu di luar. Ketika cuba melarikan diri, mereka telah bertembung dengan sepasukan polis dan telah berlaku tembak menembak. Di dalam kejadian tembak menembak tersebut tiga rakan tertuduh telah ditembak mati oleh pasukan polis. Tertuduh yang cuba melarikan diri telah berjaya ditangkap dan ketika diperiksa satu penutup pemegang (butt cover) pistol dijumpai pada tertuduh. Hasil siasatan menunjukkan tertuduh dan rakan-rakannya telah melakukan rompakan wang sebanyak RM33,672.75 di bank tersebut. Semasa melakukan rompakan itu, tertuduh telah mempamerkan senjatapi dengan cara yang mungkin mendatangkan kematian atau kecederaan kepada pengawal keselamatan bank tersebut, Sither Joseph Yesudian. Pistol yang dipamerkan oleh tertuduh walaupun terjatuh semasa beliau cuba melarikan diri telah dijumpai semula di tempat kejadian. Tertuduh telah mengakui fakta kes ini dan saya telah menerima pengakuan bersalah beliau.

Di dalam rayuan untuk meringankan hukuman, tertuduh melalui peguamnya telah memaklumkan bahawa beliau berumur 21 tahun semasa kejadian. Beliau mempunyai seorang anak berumur dua setengah tahun dan isterinya adalah seorang suri rumah. Tertuduh juga memberitahu mahkamah yang beliau kini telah insaf dan ini adalah kesalahan beliau yang pertama. Kejadian ini dilakukan oleh beliau kerana dipengaruhi oleh rakannya.

Tertuduh di dalam kes ini telah dituduh di bawah s 4 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971. Seksyen tersebut menyatakan:

> Any person who at the time of his committing or attempting to commit or abetting the commission of a scheduled offence or robbery exhibits a firearm in a manner likely to put any person in fear of death or hurt shall be punished with imprisonment for life and with whipping with no less than six strokes.

Adalah jelas dari peruntukan seksyen ini hanya terdapat satu hukuman sahaja bagi kesalahan yang dilakukan di bawah s 4 Akta tersebut iaitu hukuman penjara seumur hidup dan sebatan rotan tidak kurang dari enam sebatan. Berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan sebelum ini, frasa 'shall be punished' sepertimana di dalam peruntukan undang-undang di mana tertuduh telah dituduh membawa maksud suatu hukuman yang mandatori (sila lihat *Philip Lau Chee Heng v PP* [1988] 3 MLJ 107, *PP v Leonard Glen Francis* [1989] 2 MLJ 158 dan *PP v Gabriel* [1992] 1 MLJ 593). Selain dari itu, di bawah s 4 Akta tersebut juga, tiada diperuntukkan apa-apa hukuman alternatif selain dari hukuman penjara seumur hidup dan sebatan tidak kurang dari enam sebatan. Seksyen 2(1) Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 ini juga telah menetapkan bahawa 'imprisonment for life' membawa maksud 'imprisonment for the duration of the natural life of the person sentenced'. Di dalam menjelaskan perkara ini, Chong Siew Fai H (beliau pada masa itu) di dalam kes *Philip Lau Chee Heng v PP* telah menyatakan di ms 109 seperti berikut:

> Moreover, in view of the statutory meaning of the term 'imprisonment for life' as provided, ie imprisonment for the duration of the natural life of the person

sentenced, I fail to see how a discretionary imprisonment sentence for a life term commensurate with the gravity of the offence committed could be imposed since it is impossible to ascertain with certainty the time the natural life of a person would end. This, in my opinion strongly argues for the view that the life imprisonment sentence as defined is mandatory.

Hukuman penjara seumur hidup ini, pada pendapat saya, adalah satu hukuman yang dikhususkan di bawah s 4 Akta tersebut dan bukannya hukuman maksimum yang boleh diberikan. Memberikan maksud yang lain kepada peruntukan seksyen ini adalah jelas bercanggah dengan kehendak undang-undang yang diniatkan oleh badan perundangan. Peruntukan undang-undang mengenai sesuatu hukuman yang perlu dijatuhkan di Mahkamah Tinggi adalah terikat dengan peruntukan s 183 Kanun Prosedur Jenayah yang berbunyi:

If the accused is convicted, the Court shall pass sentence according to law.

Maksud peruntukan seksyen ini adalah sesuatu hukuman yang dijatuhkan mestilah mencakupi ruanglingkup seksyen yang menetapkan hukuman serta menurut prinsip-prinsip undang-undang sedia ada.

Memandangkan kepada peruntukan undang-undang yang jelas ini, saya tidak mempunyai pilihan lain selain dari menjatuhkan hukuman seperti yang telah diperuntukkan. Oleh itu saya menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan enam sebatan rotan ke atas tertuduh. Saya akan melakukan kekhilafan undang-undang sekiranya saya menjatuhkan hukuman yang lain dari yang telah diniatkan oleh pihak perundangan.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar